

POLIS TIBA SETENGAH JAM KEMUDIAN

Kontinjen Silat 2 AUG 1988

Kelantan nyaris ^{Harlan (M)} cetuskan pergaduhan

KEKECOHAN yang dilakukan oleh beberapa pegawai Kontinjen Kelantan nyaris mencetuskan pergaduhan yang hampir mencemarkan imej Kejua-raan Silat Kebangsaan di Port Dickson, semalam. Kejadian itu berlaku apabila pegawai-pegawai Kelantan tidak puashati dengan keputusan kemenangan kepada Azam Mokhtar dari Gayung Fatani setelah pesilatnya, Mohamad Zain Yaakub divederakan secara sengaja. *PINIK INIK*

Keputusan wasit dan dewan pendekar itu mendapat tentangan daripada pegawai-pegawai dan mula mencetuskan kekecohan yang nyaris menimbulkan pergaduhan.

Tindakan liar beberapa pegawai skuad Kelantan hampir diikuti oleh pesilat-pesilat mereka.

Bagaimanapun ketegasan ketua jurulatih skuad itu, Mohd Noor Mahmud yang juga guru pertubuhan Silat Terlak Empat Kelantan dengan dibantu oleh pegawai lain, dapat mereda suasana sebelum beberapa anggota polis tiba setengah jam kemudian.

Mohd Noor meminta maaf bagi pihak kontinjennya terutama kepada tuan rumah atas kejadian yang tidak diduga itu.

Katanya, tindakan itu mungkin kerana sikap terlalu ghairah sebahagian mereka selepas kejayaan lima pesilat Kelantan ke pertarungan akhir.

"Saya sudah meredakan mereka dan anggaplah perkara ini sebagai satu pengajaran. Saya akan menutup keaiban itu dengan mengarahkan semua pesilat yang bertanding di perlawanan akhir bertarung dengan semangat kesukuan," katanya.